

## **KOMUNITI SEBAGAI AGEN KAWALAN SOSIAL TIDAK FORMAL DALAM MENANGANI MASALAH SOSIAL**

*(Community as an Informal Social Control Agent in Handling Social Issues)*

Muhammad Izzuddin Amin bin Isham & Nur Hafizah Binti Yusoff

### **ABSTRAK**

Membasmi masalah sosial dalam kalangan masyarakat tidak hanya menjadi tanggungjawab pihak kerajaan melalui agensi penguatkuasaan semata-mata. Pihak komuniti itu sendiri mempunyai peranan sosial tersendiri bagi memastikan kawasan komuniti yang mereka diami bersih daripada sebarang masalah sosial. Justeru itu, artikel ini akan memfokuskan kepada tanggungjawab komuniti sebagai salah satu agen kawalan sosial tidak formal dalam menangani masalah sosial. Kaedah temu bual secara mendalam dan pemerhatian tidak ikut serta merupakan kaedah pengumpulan data utama kajian. Seramai tujuh orang informan telah ditemubual daripada pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kawalan sosial tidak formal ini. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa jenis aktiviti kawalan sosial tidak formal yang terdapat di kawasan ini antaranya ialah program gotong-royong, program kolaborasi, aktiviti keagamaan, Skim Rondaan Sukarela (SRS), amalan cakna kejiranan aktiviti sukan dan kebudayaan. Dapatan utama menunjukkan program gotong-royong merupakan aktiviti kawalan sosial tidak formal yang menjadi tumpuan komuniti. Aktiviti tersebut mampu membantu pencegahan awal diperingkat remaja kerana melatih diri mereka sentiasa bersama dengan komuniti. Kesimpulannya, pencegahan masalah sosial yang bersifat *bottom up* iaitu secara langsung daripada pihak komuniti sendiri tidaklah menunjukkan impak yang tinggi tetapi ini merupakan satu inisiatif bagi mencegah masalah daripada peringkat *inside* (komuniti) dan tidak terlalu bergantung kepada kawalan sosial formal semata-mata. Berkemungkinan jika pihak komuniti diberikan sedikit kuasa oleh pihak bertanggungjawab maka penduduk setempat akan mula memandangi komuniti sebagai agen kawalan sosial yang berkuasa. Hal ini kerana, realitinya kedudukan dan kuasa merupakan satu alat yang penting dalam mengawal kelakuan anggota masyarakat.

**Kata kunci:** kawalan sosial, kawalan sosial tidak formal, komuniti, penyalahgunaan dadah, sosiologi

### **ABSTRACT**

Dealing with social problem issue in society is not a duty of enforcement agency only. But, the local communities itself has to play their role to ensure the area they live are clean from any form of social problems. Therefore, this article takes on a closer look towards the community responsibility as one of the informal social control in handling social issues. In-depth interview and non-opted observation have been used as a method in collecting data. Seven informants had been interviewed from those directly involved in the implementation of this informal social control. The results of the research depict that several informal social

control that occur in this particular area such as gotong-royong, collaboration, spiritual, volunteer patrolling scheme (SRS), neighbourhood programming, sports and culture. The data indicate that gotong-royong is the most popular activity among the community. Gotong-royong activity are capable to spread pre-awareness in adolescent years in order to train and exposed them with the community. In conclusion, the prevention of bottom-up social problems directly from the community itself does not show a high impact but it is an initiative to prevent problems from the inside (community) level and not rely solely on formal social control. It is possible that if the community is given more power by the authorities then the locals will begin to see the community as a powerful social control agent. This is because, the reality of position and power is an important tool in controlling the behaviour of members of society.

**Keywords:** social control, informal social control, community, drug abuse, sociology

## **PENGENALAN**

Rancangan tanah Felda telah dibangunkan secara sistematik dan disediakan dengan pelbagai prasarana bagi tujuan membantu komuniti Felda mengecapi hidup yang selesa serta meningkatkan taraf hidup mereka. Namun, pelaksanaan rancangan tanah Felda ini mula memberikan persepsi yang negatif apabila masalah sosial semakin meningkat dalam komuniti. Mohd Amin Jalil (2020) terdapat kes di Felda Bukit Jalor, Gemencheh, seorang ayah merogol anaknya sendiri yang berusia 16 dan 12 tahun, suspek juga seorang peminum arak yang tegar. Sharom Abu Bakar (2019) seorang ibu direman atas tuduhan mendera bayinya berusia tiga bulan sehingga maut di Felda Neram, Kemaman. Kejadian ini tidak harus dipandang sebelah mata kerana telah menghakis institusi keluarga yang sepatutnya menjadi tempat perlindungan anak-anak dan pembentukan sahsiah mereka. Perkara yang lebih merisaukan apabila mutakhir ini pelaku masalah sosial terdiri daripada kelompok belia.

Seramai 85,575 orang belia berumur antara 19 dan 39 tahun dikesan menjadi penagih dadah sejak tahun 2014 hingga 2018. Jumlah tersebut adalah 73.6 peratus daripada 116,206 orang penagih yang dikesan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi tempoh lima tahun berkenaan (Bernama, 2019). Golongan belia adalah golongan yang paling mudah terlibat dalam masalah sosial terutamanya penyalahgunaan dadah. Jika ia tidak dibendung, negara akan mengalami kerugian tenaga belia. Mereka yang seharusnya produktif membangunkan negara, terpaksa menanggung pelbagai masalah sosial akibat penyalahgunaan dadah. Penyalahgunaan dadah pula berkait rapat dengan pelbagai masalah sosial lain seperti mencuri, gangsterisme, jenayah, juga mendatangkan penyakit AIDS dan HIV. Perkara inilah yang menggugat dan memudaratkan keadaan sesebuah negara sama ada daripada segi ekonomi, sosiobudaya dan keselamatan.

Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Dato Sri Zulkifli Bin Abdullah berkata masyarakat di seluruh negara juga perlu memainkan peranan mereka dengan menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa termasuk Polis dan AADK akan membantu dalam perkara itu untuk memastikan generasi muda terhindar dari masalah penyalahgunaan dadah (Neil Chan, 2019). Peranan masyarakat bukanlah sekadar tertumpu kepada masalah penyalahgunaan dadah tetapi mestilah meliputi semua masalah sosial yang merebak dalam komuniti mereka. Kelompok yang terlibat dengan masalah sosial perlu diberikan sokongan sosial dan bukanlah dipinggirkan. Jika kelompok ini diketepikan,

masalah sosial akan lebih meningkat dan berulang-ulang daripada generasi ke generasi kerana mereka merasakan tiada pihak yang peduli terhadap perbuatan tersebut. Program kemasyarakatan seperti menjaga kejiranan dan program NGO yang lain memberi kesan yang besar dalam membantu pihak berkuasa dan polis (Neil Chan, 2019) khususnya bagi pencegahan masalah sosial dalam komuniti.

Kawalan sosial formal seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan AADK sentiasa mempertingkatkan peranan mereka bagi menangani masalah sosial ini. Namun usaha ini semestinya sukar membuahkan hasil jika hanya bergantung kepada satu pihak sahaja. Komuniti juga mempunyai tanggungjawab sebagai kawalan sosial tidak formal. Mereka juga perlu melibatkan diri sebagai penggerak dalam membasmi masalah sosial di kawasan penempatan mereka. Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk meneliti jenis dan proses aktiviti kawalan sosial tidak formal yang terdapat di kawasan kajian.

## **SOROTAN KARYA**

### **Jenis aktiviti kawalan sosial tidak formal**

Terdapat pelbagai jenis aktiviti kawalan sosial tidak formal yang pernah dilakukan. *Neighbourhood informal social control and child maltreatment: A comparison of protective and punitive approaches* oleh Clifton R. Emery, Hai Nguyen Trung, Shali Wu (2015) mengutarakan pendekatan kawalan sosial informal bagi mengurangkan kes penderaan kanak-kanak di Amerika Syarikat. Mereka menyatakan jiran-jiran perlu ambil tahu keadaan jiran sekeliling untuk memastikan keharmonian di sesebuah kawasan. Sekiranya terdapat masalah penderaan kanak-kanak, mereka perlu masuk campur dan menegur perbuatan tersebut dengan berhemah. Sekiranya tiada perubahan, wajarlah mereka dilaporkan kepada pihak berkuasa. Pembangunan program intervensi kejiranan sebagai kawalan sosial informal boleh membantu secara material dalam mengurangkan penderaan kanak-kanak yang teruk dan akibat negatif yang berpunca daripada penderaan itu.

Massimo Ragnedda (2011) dalam kajiannya mengenai *Social control and Surveillance in the society of consumers*, telah membincangkan mengenai bagaimana pengawasan dan kawalan sosial berlaku pada masa yang sama tanpa disedari oleh masyarakat. Beliau menyatakan dalam kajian beliau bahawa kemajuan teknologi maklumat telah memberi akses penuh terhadap pihak berkuasa untuk mengawal tingkah laku masyarakat. Berdasarkan kajian ini, dapat dilihat bahawa pengawasan adalah salah satu bentuk kawalan yang terhasil daripada koleksi maklumat yang diperolehi daripada pihak pemantau untuk memantau aktiviti populasi yang ditadbir untuk mencegah tingkah laku devian. Hasil kajian ini mendapati bahawa pada masa kini terdapat banyak pengawasan secara digital dan telah membentuk satu bentuk kawalan sosial yang baharu untuk mengawal dan mempengaruhi tingkah laku masyarakat. Fungsi masyarakat sebagai alat kawalan sosial berada dalam krisis kerana ekspektasi masyarakat bahawa alat kawalan sosial yang baharu dapat mengawal masyarakat secara menyeluruh.

Haris Abd.Wahab (2006) *Kesejahteraan Sosial dan Pembangunan Komuniti: Pendekatan dan Indikator* membincangkan kesejahteraan sosial sebagai elemen utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah komuniti. Konsep kesejahteraan sosial menjelaskan strategi mengubah sesebuah komuniti berdasarkan pendekatan yang berkaitan dengan aspek pengurusan masalah sosial, pemenuhan keperluan hidup dan penyediaan

peluang mobiliti sosial dalam komuniti. Masalah sosial dikatakan menjadi penghalang masyarakat daripada mengecapi potensi maksima mereka. Masalah sosial merupakan keadaan yang tidak digemari oleh orang ramai dan perlu dibasmi, diselesaikan atau diperbaiki melalui tindakan bersama oleh anggota-anggota komuniti. Oleh itu, masalah sosial dilihat mempunyai dua unsur utama iaitu salah laku norma (tingkah laku devian) dan keadaan yang menentang atau menyimpang daripada norma-norma komuniti (keadaan sosial).

### **Proses pelaksanaan aktiviti kawalan sosial informal**

*Informal Social Control of Crime in High Drug Use Neighbourhoods in Louisville and Lexington, Kentucky* oleh Barbara D. Warner (2003) mengkaji tentang kesan ketidakstabilan budaya, daripada segi budaya konvensional dan nilai heterogen terhadap kawalan sosial tidak formal, dan sejauh mana kesan-kesan ini mempengaruhi tahap penggunaan dadah di kawasan kejiranan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan sosial terbentuk berdasarkan kekerapan mereka berkomunikasi walaupun berbeza kaum seperti melalui meminjam atau bertukar barang, makan bersama dan pergi gereja bersama. Kawasan yang banyak berkomunikasi merupakan kawasan yang kurang berisiko jenayah seperti dadah, pergaduhan dan serangan seksual berbanding di kawasan yang bersifat individualistik. Komunikasi mereka secara tak langsung mewujudkan kawalan sosial informal dan mengurangkan berlakunya masalah sosial. Sebaliknya kawasan yang kurang berkomunikasi disebabkan terhalang dengan pembinaan perumahan yang besar telah mengurangkan fungsi kawalan sosial informal ini. Mereka lebih mengharapkan rondaan pihak polis tanpa melibatkan penyertaan kumpulan komuniti secara langsung.

Kajian *Crime Policy dan informal social control* yang dijalankan oleh Megan Ferrier dan Jens Ludwig (2011) mengkaji mengenai satu program pencegahan jenayah yang dilaksanakan pada tahun 2003 di Pittsburgh iaitu program One Vision One Life. Reka bentuk bagi penyelidikan ini memperlihatkan corak jenayah di kawasan hotspot di Pittsburgh namun program pencegahan jenayah tersebut diberhentikan pada tahun 2011. Program pencegahan jenayah ini mementingkan kerjasama antara pihak berautoriti dengan masyarakat. Setelah program tersebut diberhentikan, terdapat peningkatan mendadak dalam setiap kategori jenayah sehingga lebih kurang dua kali ganda iaitu dari kira-kira 200 kes hingga kira-kira 400 kes dalam masa setahun. Program One Vision One Life dilihat dapat menjadi alat kawalan sosial berbentuk campuran antara formal dan tidak formal kerana ia melibatkan penglibatan antara pihak berautoriti undang-undang dan masyarakat tempatan itu sendiri telah memberi kesan yang baik terhadap pola jenayah di Pittsburgh. Namun, program ini telah diberhentikan kerana pelaksanaan program ini muka menjadi sukar apabila berlaku penglibatan pihak badan bukan kerajaan. Hal ini menyebabkan setiap pihak sentiasa melindungi segala maklumat sulit mengenai aktiviti jenayah dan tidak mahu saling bertukar maklumat antara satu sama lain.

*Informal Social Control and Community Crime Prevention* (1995) kajian yang dilakukan oleh Janet Foster telah memberi tumpuan secara langsung kepada peranan kawalan sosial tidak formal di kawasan jenayah yang tinggi. Kajian beliau ini berdasarkan kajian etnografi menerangkan kawasan perumahan London yang mempunyai statistik yang lebih tinggi kadar purata jenayah dan kebanyakan puncanya daripada 'kegagalan reka bentuk' perumahan awam. Dalam kajian itu menceritakan bahawa tanggapan masyarakat pada masa itu, kejadian jenayah berlaku di kawasan orang miskin sahaja. Maka kawasan perumahan kemudiannya dibina dan dipisahkan berdasarkan status dengan tujuan untuk mengelakkan jenayah. Namun jenayah masih berlaku di kawasan orang-orang berada walaupun ada

rondaan daripada pihak polis. Keadaan pembinaan rumah yang besar dan pesat memudahkan penjenayah bersembunyi di lorong-lorong apabila melakukan jenayah seperti mencuri, keadaan tersebut menyukarkan pihak polis. Maka kajian ini memberi kesedaran kepada komuniti di sana tentang peranan mereka sebagai kawalan sosial informal bagi menangani masalah jenayah di kawasan perumahan mereka. Keselamatan perumahan di sana berdasarkan ciri-ciri tertentu seperti pemilikan harta, profil pemastautin, demografi, lokasi geografi dan pelaksanaan kawalan sosial informal membolehkan penyewa untuk membendung jenayah.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Mohd Sufien Hassan, Maizatul Haizan Mahbob & Mohd Helmi Abd Rahim (2018) yang bertajuk Skala Psikometrik: Perspektif Kawalan Sosial Tidak Formal dan Pengukuhan Nilai Integriti Golongan Muda mendapati melalui kawalan sosial tidak formal bukan sahaja menjimatkan kos keselamatan sosial bahkan dapat membentuk peribadi golongan muda yang berintegriti. Gabungan antara dimensi keterikatan, kepercayaan, keterlibatan dan komitmen secara tidak langsung telah memupuk nilai integriti yang baik dalam generasi muda. Selain itu, kawalan sosial sendiri (self control) juga penting dalam proses kawalan sosial tidak formal. Memiliki perasaan sepunya (self belonging) adalah penting bagi memupuk rasa sayang dan ambil berat terhadap sesuatu perkara yang diminati atau disayangi oleh seseorang individu (Nur Hafizah Yusoff, 2018). Disiplin yang tinggi memungkinkan sebarang tingkah laku yang menyimpang berjaya dikawal.

### **Cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan aktiviti kawalan sosial tidak formal**

Satu Kajian Kes Tentang Penglibatan Keluarga Mengendalikan Bekas Penagih Dadah di Negeri Sembilan yang dilakukan oleh Aisyah bt Abdullah (2017) membincangkan penglibatan keluarga, cabaran dan strategi keluarga dalam mengendalikan bekas penagih dadah di Negeri Sembilan. Kajian itu mendapati bahawa keluarga dapat memberi makna kepada peranan dan tanggungjawab yang perlu digalas dalam memberi bantuan kepada penagih dadah. Sub-sistem keluarga berhadapan dengan penagih dadah yang merupakan individu yang boleh mendatangkan bahaya kerana simptom-simptom kronik yang dihadapi oleh mereka. Oleh itu, sokongan dan pembabitan keluarga dalam program pemulihan amat penting bagi memastikan penagih dadah tidak menagih dadah semula. Pengkaji mendapati tema pengaruh luaran dan pengaruh dalaman merupakan cabaran keluarga bagi mengendalikan bekas penagih dadah. Kedua-dua pengaruh ini merupakan faktor risiko yang menjadi penyumbang kepada cabaran keluarga.

Bagi pengaruh luaran, ia terdiri daripada pengaruh rakan sebaya, pengaruh persekitaran, projeksi keluarga, projeksi masyarakat dan sumber kewangan yang perlu dilalui oleh keluarga dalam mengendalikan penagih dadah. Pengkaji mendapati tema pengaruh luaran dan pengaruh dalaman merupakan cabaran keluarga bagi mengendalikan bekas penagih dadah. Kedua-dua pengaruh ini merupakan faktor risiko yang menjadi penyumbang kepada cabaran keluarga. Bagi pengaruh luaran, ia terdiri daripada pengaruh rakan sebaya, pengaruh persekitaran, projeksi keluarga, projeksi masyarakat dan sumber kewangan yang perlu dilalui oleh keluarga dalam mengendalikan penagih dadah. Dapatan

kajian terhadap strategi keluarga mengendalikan bekas penagih dadah melibatkan tema intervensi psikososial yang mengandungi pembentukan tingkah laku baharu, personaliti baharu dan persekitaran baharu.

Mohd Razali bin Harun (2008) dalam kajiannya Peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan dalam pembangunan belia di Felda Jerangau, Terengganu mendapati bahawa belia di rancangan Felda menghadapi masalah sosioekonomi misalnya pengangguran, ketidakstabilan pendapatan dan penagihan dadah. Walaupun JKKR menjalankan program pembangunan untuk belia tetapi ia masih tidak mencukupi, tidak seimbang dan kurang menarik penyertaan belia. Tambahan pula JKKR sebagai badan tertinggi di rancangan menghadapi pelbagai masalah seperti masalah kewangan, kerendahan tahap pendidikan ahli JKKR dan konflik politik kepartian. Masalah-masalah ini menyebabkan JKKR tidak dapat menjalankan peranannya dengan berkesan dalam membangunkan belia. Oleh itu, JKKR wajar diperkasakan agar ia sentiasa relevan dalam memberi perkhidmatan kepada komuniti setempat.

*Correlates of Formal and Informal Social Control on Crime Prevention: An Exploratory Study among University Students, Andhra Pradesh, India* oleh Eric Lambert, Jaishankar Karuppanan, Skahanhe Jiang dan Sudershan Pasupuleti (2011) menunjukkan bahawa kepercayaan pelajar universiti lebih tinggi kepada kawalan sosial informal berbanding kawalan sosial formal dalam mencegah jenayah walaupun perbezaan peratusannya tidak ketara. Hasil kajian mendapati bahawa kawalan sosial formal dan informal berfungsi dengan baik tetapi peratusan kawalan sosial informal lebih tinggi kerana unit polis sebagai kawalan sosial formal ada yang terlibat dengan korupsi dan pelaksanaan denda yang bersifat berat sebelah. Unit kawalan sosial informal yang paling dipercayai mampu membantu mengurangkan jenayah adalah keluarga.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Kaedah temu bual semi struktur telah digunakan bagi memperoleh maklumat yang diperlukan. Kaedah ini adalah di mana penulis terlebih dahulu merangka soalan-soalan yang bakal diajukan kepada informan semasa di lapangan. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan bukan kebarangkalian (non-probability sampling). Kaedah persampelan yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan ialah kaedah persampelan bertujuan. Ciri-ciri kaedah kualitatif ialah seperti memberikan penekanan kepada kualiti (subjektif), sampel yang dipilih adalah berdasarkan persampelan bertujuan atau purposif sampling dan analisis data adalah secara Ciri-ciri yang dilihat adalah seperti individu yang memegang jawatan tertentu atau terlibat secara langsung dalam aktiviti kawalan sosial informal tersebut. Selain itu, individu yang terlibat dengan aktiviti kawalan sosial informal ini juga adalah mereka yang terdiri daripada penduduk yang menetap di kawasan tersebut. Jumlah informan yang diambil adalah seramai tujuh orang yang mempunyai ciri-ciri yang telah dinyatakan iaitu seramai tujuh orang informan. Justifikasi mengapa tujuh orang informan adalah kerana penulis ingin mendapatkan maklumat daripada mereka yang memegang jawatan di kawasan kajian.

Kaedah pemerhatian tidak ikut serta turt digunakan sebagai kaedah supplemen di dalam kajian ini. Para informan hanya diperhatikan dalam persekitaran yang sedia ada. Kelebihan kaedah pemerhatian adalah data yang diperoleh adalah lebih tepat kerana penulis sendiri melihat tingkah laku dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh informan sepanjang

kajian dijalankan. Analisis deskriptif ini adalah cara untuk menghurai dan menjelaskan data-data yang diperoleh. Dalam menganalisis data, penulis berperanan untuk menentukan dan memberi makna pada setiap perkara. Data telah dianalisis berdasarkan maklumat yang diperoleh sebelum membuat kesimpulan bagi maklumat tersebut.

### **Profil Informan**

Seramai tujuh orang informan telah ditemu bual secara mendalam dalam kajian ini. Kesemua informan mempunyai latar belakang yang berlainan tetapi semuanya terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kawalan sosial tidak formal di felda ini. Informan Pak Mat merupakan Pengerusi Majlis Perwakilan Komuniti Kampung (MPKK), informan Pak Man merupakan ahli jawatankuasa Masjid Felda Jerangau Barat, informan Pak Hamid pula ialah seorang peneroka felda dan Pak Usop merupakan anggota pencen Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Informan yang terdiri daripada golongan belia pula ialah informan Abang Lan yang sering bertugas sebagai anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan informan Abang Bad pula merupakan ahli jawatankuasa Majlis Belia Felda (MFB). Informan Puan Ain pula ialah seorang Penolong Pengurus Felda Global Ventures (FGV) yang banyak memainkan peranan kawalan sosial dalam kelompok wanita. Kesemua informan ini adalah berumur 28 hingga 70 tahun. Kesemua informan merupakan penduduk asal di felda kecuali informan Puan Ain yang berasal dari negeri Pahang. Beliau telah berpindah ke felda sejak tahun 2015 atas faktor kenaikan pangkat. Informan Pak Mat merupakan informan utama berdasarkan komitmen beliau dan setiap aktiviti yang dilaksanakan di felda akan berada di bawah pemantauannya secara langsung. Informan Puan Ain pula terlibat melalui perbadanan korporat FGV dan bertanggungjawab memantau perkembangan sosial komuniti felda. Kesemua informan juga masih aktif berkhidmat dalam pelaksanaan aktiviti kawalan sosial ini kecuali informan Pak Usop dan Pak Hamid kerana faktor usia.

## **HASIL DAN PERBINCANGAN**

### **Jenis Kawalan Sosial Tidak Formal dan Proses Pelaksanaannya**

Berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh pengkaji, terdapat beberapa aktiviti kawalan sosial tidak formal yang telah dilaksanakan oleh pihak komuniti di Felda Jerangau Barat, Ajil, Terengganu. Proses pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan bersesuaian dengan keadaan semasa sosiodemografi komuniti di felda itu.

### **Gotong-royong**

Gotong royong merupakan satu aktiviti kerjasama yang dilakukan oleh sesebuah masyarakat yang bertujuan untuk menjaga kebajikan (*communal support*) setiap individu dalam masyarakat tersebut (Zamri Haji Hassan, 2000). Berdasarkan kepada informan Pok Mat, beliau menjelaskan bahawa aktiviti gotong-royong merupakan salah satu aktiviti kemasyarakatan yang telah dilakukan di Felda Jerangau Barat. Aktiviti gotong-royong tersebut sentiasa mendapat perhatian seluruh komuniti felda dari setiap peringkat umur. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa aktiviti gotong-royong telah menjadi salah satu penyumbang kepada kawalan sosial tidak formal dalam komuniti.

Gotong-royong kalau buat kat sini merioh, ada budok-budok, ada orang mude bahagian wat guna kudrat, ada geng mok-mok yang jadi tukang masak. Abih seluruh peringkat termasuk qariah masjid sebab ni memang salah aktiviti tumpuan kita.

### **Program Kolaborasi**

Kolaborasi antara unit komuniti dengan agensi lain membolehkan kedua-dua pihak mencapai apa yang tidak boleh dicapai andai mereka bekerja secara bersendirian. Informan Abang Bad dan informan Pak Mat menjelaskan bahawa penganjuran program kolaborasi dengan pihak luar dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program tersebut. Malahan, pihak komuniti felda sendiri dapat menarik penduduk kampung untuk sama-sama melibatkan diri sebagai peserta program dalam setiap modul yang dilaksanakan. Tambahan pula, penglibatan anak-anak muda akan mewujudkan nilai sosial semangat beraktiviti bersama komuniti dan juga menanamkan impian anak-anak untuk mencontohi kumpulan mahasiswa yang berjaya melanjutkan pengajian di universiti.

Macam program yang UKM wat sebelum ni tu, mende tu baguh. Ye mari ke sini wat khidmat bakti ke orang sini. Kita memang galakkan sangatlah sebab orang sini memang tertarik kalau orang luar mari. Jadi mende yang buat tu macam forum perdana, gotong-royong, cabutan bertuah, sukaneka budok-budok tu memang mende tu baguh, libatkan semua orang kampung. Mende tu yang kita nok orang kita rasa.

### **Aktiviti Keagamaan**

Jati diri dan Islam saling berkait rapat dalam pembinaan utuh keperibadian seseorang. Cara berkesan bagi mengembalikan dan meningkatkan kekuatan jati diri bangsa Melayu adalah dengan cara mengembalikan mereka kepada penghayatan agama yang sebenar berdasarkan kepada asas-asas pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (Zakaria Stapa, 2012). Informan menegaskan bahawa sistem agama merupakan sistem yang paling berkesan dalam menangani masalah sosial di felda ini. Maka beliau telah menjadikan aktiviti keagamaan sebagai pengisian rohani dan satu wadah pembinaan karakter individu yang tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar seperti hiburan yang melalaikan dan pergaulan bebas.

Kita memang sentiasa anjur kuliah, beri penerangan kepada orang kampung. Kita jugok sentiasa memfokuskan aktiviti gini khususnya di peringkat sekolah.

### **Amalan Cakna Persekitaran Sosial**

Menurut Yahaya Ibrahim (1992), jiran dalam satu komuniti juga perlu menjaga dan mengambil tahu serta peka terhadap perkara-perkara yang berkaitan dan berlaku terhadap jiran-jiran yang lain. Sentiasa menjaga keselamatan dan mengambil berat masyarakat di sekeliling kediaman. Informan Pak Man telah menyatakan bahawa beliau sendiri telah memainkan peranan sebagai salah seorang komuniti yang cakna terhadap jirannya sendiri. Beliau yang juga ahli jawatankuasa masjid telah melakukan kerja ini secara sukarela walaupun tindakan tersebut bukanlah di bawah bidang kuasanya secara bertulis.



Saya kalau sedar anak jiran terdekat yang terlibat dengan masalah atau cenderung ke arah itu, memang saya akan gi jupe mok ayoh dia. Kita hidup sekampung ini memang kena cakna ke anak-anak orang kampung kita. Kita bukan sibuk cara ke orang tapi tu tanggungjawab kita bila kita duk dalam kelompok gini.

Langkah awal bagi mewujudkan amalan cakna dalam komuniti adalah dengan mengambil cakna perkembangan anak-anak di rumah semenjak mereka kecil sehinggalah dewasa khususnya semasa di alam persekolahan. Pemerhatian yang teliti perlu dilakukan oleh ibu bapa terhadap setiap kegiatan anak-anak mereka termasuklah mengambil tahu siapa rakan mereka dan apakah aktiviti harian mereka. Seandainya semua kelompok ibu bapa mempraktikkan amalan tersebut sudah semestinya mampu mewujudkan sebuah pengawalan sosial anak-anak yang harmoni. Informan Pak Mat menyatakan bahawa beliau telah mengambil langkah tersebut sebagai satu kawalan sosial sebelum anaknya meningkat dewasa.

Anak saya selagi dok habis sekolah memang saya cakna betul-betul. Kita memang kena selalu tengok dia, dia gi sekolah gane, dia kawan dengan sape, balik sekolah gi mane. Mende ni memang saya pesan sokmo ke orang-orang felda biar kita mok pok ni amal konsep caring ni terutama anak yang umur 12 tahun ke bawah.

### **Skim Ronda Sukarela (SRS)**

Skim Rondaan Sukarela (SRS) merupakan satu skim yang dipohon oleh sekumpulan pemastautin dalam Kawasan Rukun Tetangga yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 20 orang dan berumur 18 tahun ke atas. Tujuan utama penubuhan SRS adalah untuk membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah dan gejala di dalam komuniti setempat. Menurut informan Pak Mat aktiviti SRS di felda ini bukan sahaja bertujuan meronda kampung waktu malam tapi SRS ini tujuan merupakan aktiviti yang dapat menarik anak muda untuk berkhidmat untuk kampung.

Kita wat SRS ni sejak awal-awal ia dikuatkuasakan. SRS ni bukan setakat kita jaga kampung malam-malam tapi kita kalau boleh nak tarik budok-budok muda ni biar join mende gini. Diorang sukakeluar malam jadi melalui SRS ni sekurangnya kita dapat ajok diorang ni keluar malam sambil ronda kampung. Jadi mende ni dapat mengisi masa budok-budok muda kita aaa.

### **Aktiviti Kesukanan**

Melalui kegiatan dan aktiviti bersukan sifat dan sikap sosial yang positif seseorang pelajar dan individu boleh di lihat melalui latih tubi dan permainan (Norevina, 2009). Kegiatan sukan juga dikatakan amat bermanfaat bukan sahaja menjaga kesihatan badan tetapi juga memupuk semangat kekitaan antara individu dan semangat cintakan Negara (Norevina, 2009). Informan Abang Lan menyatakan bahawa aktiviti sukan di felda ini sentiasa aktif kerana diminati oleh ramai penduduk. Mereka menjadikan aktiviti sukan sebagai aktiviti riadah waktu petang seperti bermain bola sepak dan takraw. Apabila unit komuniti seperti MPKK atau JKRR melaksanakan pertandingan sukan, sambutan daripada penduduk amatlah menggalakkan. Mereka berebut-rebut untuk menyertai malahan bilangan penonton juga memberangsangkan. Tambahan pula, apabila sesuatu kejohanan sukan dilaksanakan

kesepaduan sosial juga semakin meningkat dengan semangat penduduk yang menyumbangkan tenaga mereka seperti menyediakan jamuan ringan, persiapan peralatan dan tempat.

Leni kerajaan pun banyak wat pertandingan sukan antara kampung, antara Dun. Jadi kita memang acap wat pertandingan sesama awop kite, nak cari player wakil kampung. Bila wat abih pakat turun, meriah aaa. Masing-masing badi beri tenaga hoktu wat air, hoktu bahagian peralatan, hoktu bahagian ngejah tempat.

Usaha kerajaan negeri yang turut merancang pertandingan sukan antara kampung dan juga antara DUN merancakkan lagi penyertaan penduduk dalam setiap program sukan yang dianjurkan oleh unit komuniti setempat. Tambahan pula, usaha ini amat mewujudkan semangat sayang dan cinta pada kampung sendiri dan ingin mengharumkan nama kampungnya dengan penyertaan yang aktif. Informan Abang Bad juga menyatakan aktiviti sukaneka turut diadakan yang melibatkan penyertaan yang lebih menyeluruh. Aktiviti sukaneka selalunya diadakan sebagai aktiviti sampingan dalam sesuatu program. Apabila aktiviti sukaneka diadakan, semua penduduk kampung akan mengajak anak-anak kecil mereka untuk melibatkan diri.

Ye kalau sukaneka memang budok-budok suka, bukan budok-budok je, kadang-kadang mok pok yang lebih daripada anak. Kalau sukaneka biasa aah bola dalam ping pong, rebut kusi, main pecoh belon. Mende simple tapi orang suka sebab meriah kita wat ramai-ramai ni.

### **Aktiviti Kebudayaan**

Seni dan kebudayaan amat berkait rapat dengan identiti, ideologi dan amalan seharian sesebuah kelompok masyarakat. Di seluruh dunia, setiap masyarakat mempunyai identiti seni dan kebudayaannya yang tersendiri lantas membentuk keunikan cara hidup mereka. Informan Pak Mat menjelaskan bahawa aktiviti dan persembahan kebudayaan menjadi salah satu aktiviti dalam mewujudkan kesepaduan sosial dalam komuniti felda. Pelaksanaan aktiviti kebudayaan dilaksanakan mengikut nilai dan norma penduduk setempat namun sentiasa berpandukan dasar kerajaan semasa. Sebelum ini aktiviti yang dilaksanakan lebih bersifat sosial tetapi dasar kerajaan sekarang mewajibkan pematuhan hiburan berlandaskan garis panduan syariat Islam dan tidak terlalu melampau. Salah satu aktiviti kebudayaan yang dilaksanakan ialah Malam Juara Kampung. Program tersebut memaparkan hiburan yang berkonsepkan santai seperti persembahan pantun, sajak loghat, puisi dan lagu hanya dinyanyi oleh orang lelaki. Namun begitu, program tersebut masih mendapat sambutan yang mengalakkan daripada penduduk kampung di pelbagai peringkat per usia. Pengisian aktiviti sebegini dapat merangsang anak-anak muda supaya mencari hiburan dengan pengisian yang baik dan tidak terlalu melalaikan. Kita dibolehkan berhibur untuk menghilangkan tekanan, mengisi kekosongan masa dan juga hobi tetapi mestilah dikawal dengan baik agar tidak melanggar batas.

Macam program yang kita wat dulu Malam Juara Kampung tu program pertama yang kita kira ikut garis panduan tu aaa, tadop pun hiburan yang melalaikan tapi kehadiran orang kampung masih ramai, jadi mende ni tadop masalah. Orang kampung memang minat aktiviti gini.

### **Aktiviti Mengikut Blok Kediaman**

Setiap blok kediaman mempunyai seorang ketua blok yang dilantik oleh peneroka-peneroka sendiri atas persetujuan FELDA. Kesemua peneroka di felda merupakan ahli Jabatan Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) secara automatik tetapi penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti JKKR adalah bergantung kepada kehendak masing-masing. Aktiviti yang diatur mengikut blok merupakan penyampaian yang lebih dekat dengan penduduk kampung. Aktiviti pengisian agama turut dilakukan mengikut blok seperti bacaan yasin dan tahlil mengikut waktu yang dipersetujui bersama. Setiap blok juga mestilah mempunyai seorang yang boleh mengajar mengaji. Informan Pak Mat menyatakan bahawa peranan guru mengaji amatlah penting dalam mendidik anak-anak di peringkat usia persekolahan ni. Guru mengaji ini bukan sekadar mengajar membaca Al-Quran tetapi juga menyampaikan kandungan yang ada dalam Al-Quran.

Peranan guru Al-quran ni amatlah besar dalam masyarakat. Dalam usia budok-budok kecil yang masih bersekolah, guru Al-Quran ni bukan sahaja perlu ajor ngaji tapi kena selit penyampaian yang terkandung dalam Al-Quran tu sendiri...kalu kita tengok usia ni masih berulang-alik ke rumah tok guru ngaji, jadi usia ni memang kena beri cakna lebih sikit.

Berdasarkan kesemua elemen aktiviti kawalan sosial tidak formal di atas, dapat disimpulkan bahawa di kawasan kajian terdapat pelbagai aktiviti tidak formal yang telah dijalankan oleh pihak komuniti melalui pengurusan komuniti setempat. Kepelbagaian aktiviti ini perlu bagi memastikan ahli komuniti terlibat dalam program peringkat komuniti. Bertanya khabar, mendapatkan maklumat terkini tentang situasi ahli komuniti dan melakukan aktiviti bersama-sama akan mengeratkan hubungan antara anggota komuniti dan secara tidak langsung dapat memastikan aktiviti pemantauan dalam komuniti dapat berjalan dengan baik.

### **KESIMPULAN**

Kajian menunjukkan terdapat beberapa jenis aktiviti kawalan sosial tidak formal yang terdapat di kawasan ini antaranya ialah program gotong-royong, program kolaborasi, aktiviti keagamaan, Skim Rondaan Sukarela (SRS), amalan cakna kejurangan aktiviti sukan dan kebudayaan. Dapatan utama menunjukkan program gotong-royong merupakan aktiviti kawalan sosial tidak formal yang menjadi tumpuan komuniti. Aktiviti kawalan sosial tidak formal ini dilihat pada bagaimana proses sesuatu aktiviti dijalankan bagi mendapatkan hasil pelaksanaannya. Program gotong-royong mampu membantu pencegahan awal diperingkat remaja kerana melatih diri mereka sentiasa bersama dengan komuniti. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan aktiviti kawalan sosial tidak formal iaitu penglibatan komuniti sasaran, undang-undang, kawalan berkurung tak berkesan, bilangan remaja berisiko keciciran pelajaran, kewangan, birokrasi pentadbiran, jarak penempatan, hubungan kejurangan, kesampaian maklumat, penyeludupan dadah dan pegangan agama. Kesimpulannya, pencegahan masalah sosial yang bersifat *bottom up* iaitu secara langsung daripada pihak komuniti sendiri tidaklah menunjukkan impak yang tinggi tetapi ini merupakan satu inisiatif bagi mencegah masalah daripada peringkat *inside* (komuniti) dan tidak terlalu bergantung kepada kawalan sosial formal semata-mata.

## **PENGHARGAAN**

Terima kasih kepada geran penyelidikan bernombor GUP-2019-057 kerana membantu penghasilan dan penerbitan artikel ini.

## **RUJUKAN**

- Aisyah bin Abdullah. (2017). Satu Kajian Kes Tentang Penglibatan Keluarga Mengendalikan Bekas Penagih Dadah di Negeri Sembilan. Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Barbara D. Warner. (2003). Informal Social Control of Crime in High Drug Use Neighborhood: Final Project Report. Department of Justice, United State
- Bernama. (2019). Ketagihan dadah, jika tidak dibendung, negara kerugian tenaga belia Muhyiddin. Astro Awani. (atas talian). <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ketagihan-dadah-jika-tidak-dibendung-negara-kerugian-tenaga-belia-muhyiddin206498>. [10 Disember 2019].
- Clifton R. Emery, Hai Nguyen Trung, Shali Wu. (2015). Neighborhood informal social control and child maltreatment: A comparison of protective and punitive approaches. *Child Abuse & Neglect*, 41, 158-169.
- Denzin and Lincoln. (1994). Handbook of qualitative research. USA: Sage Publisher
- Eric Lambert, Jaishankar Karuppannan, Skahanhe Jiang dan Sudershan Pasupuleti. (2011). Correlates of Formal and Informal Social Control on Crime Prevention: An Exploratory Study among University Students, Andhra Pradesh, India. *Asian Journal of Criminology*, 7(3),1-12
- Haris Abd.Wahab. (2006). Kesejahteraan Sosial dan Pembangunan Komuniti: Pendekatan dan Indikator. Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial: Universiti Malaya
- Janet Foster. (1995). Informal Social Control and Community Crime Prevention. *The British Journal of Criminology*, 35 (4), 563–583.
- Massimo Ragnedda. (2011). Social control and surveillance in the society of consumers. *International Journal of Sociology and Anthropology*, 3(6),180-188.
- Megan Ferrier , Jens Ludwig. (2011). Crime policy and informal social control. Institute for Policy Research: Northwestern University.
- Mohd Amin Jalil. (2020). Direman 12 hari kerana sumbang mahram. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/02/654388/direman-12-hari-kerana-sumbangmahram>. [14 April 2020].
- Mohd Razali bin Harun. (2008). Peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan dalam pembangunan belia di Felda Jerangau, Terengganu. Fakulti Ekologi Manusia: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sufien Hassan, Maizatul Haizan Mahbob & Mohd Helmi Abd Rahim. (2018). Skala Psikometrik: Perspektif Kawalan Sosial Tidak Formal dan Pengukuhan Nilai Integriti Golongan Muda. *Jurnal Komunikasi*, 34(4), 232-249.
- Neil Chan. (2019). Masyarakat digesa turut serta perangi dadah. <http://www.dailyexpress.com.my/news/138308/masyarakat-digesa-turut-serta-perangi-dadah/>. [10 Disember 2019].
- Norevina. (2009). Penglibatan Pelajar Wanita Tahun Akhir Fakulti Pendidikan dalam Sukan di UTM. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia

- Nur Hafizah Yusoff. (2018). Kepentingan kawalan sosial dalam menangani salah laku membabitkan penyokong bola sepak di Malaysia. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*, 7(1), 34-45.
- Rashidah Awang. (2015). Apa itu Kaedah Kualitatif. <https://www.slideshare.net/rashidahawang3/apa-itu-kajian-kualitatif>. [10 Disember 2019]. R.Ramli. 2011. Metodologi Kajian. Um Student Repository. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaya. ( Tidak diterbitkan)
- Sharom Abu Bakar. (2019). Ibu bayi maut dipercayai didera di Felda Neram direman. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-bayi-maut-dipercayai-didera-di-felda-neram-direman-217324>. [14 April 2020].
- Syahremie Teja. (2016). Kaedah Penyelidikan (Persempelan). <https://www.slideshare.net/tejasyahremie/kaedah-penyelidikan-persampelan>. [10 Disember 2019].
- Yahaya Ibrahim. (1992). Kejiranan dalam komuniti bandar terancang: Kajian kes di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Zamri Haji Hassan. (2000). Gotong-Royong dan Manfaatnya sebagai Mekanisme Kebajikan dan Pembangunan Komuniti. Dlm. Dani Salleh. *Pembangunan Komuniti: Dasar, Konsep, Strategi dan Isu di Malaysia*. Edisi 1. 89-105. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf, Abdul Fatah Shahrudin. (2012). Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 129-141.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **MUHAMMAD IZUDDIN AMIN BIN ISHAM**

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.  
a163320@siswa.ukm.edu.my

### **NUR HAFIZAH YUSOFF**

Antropologi & Sosiologi (SEEDS),  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.  
nur\_hafizah@ukm.edu.my